

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
(DALAM TALIAN)
SEMESTER II
SESI 2020/2021**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN MAKMAL DAN BENGKEL
KOD KURSUS : BBP 30103
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI 2021
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA PULUH TIGA (23) MUKA SURAT

SULIT

- S1 Prinsip pengurusan menurut Mary Parker Follet memberi fokus kepada
- A. kecekapan dan keberkesanan.
 - B. arahan dan kawalan.
 - C. pencapaian dan keluaran.
 - D. matlamat dan kepimpinan.
- S2 Pilih aturan yang betul bagi pendekatan pengurusan sebagai satu proses.
- A. Halatuju, kepimpinan, penganjuran, kawalan.
 - B. Halatuju, penganjuran, kepimpinan, kawalan.
 - C. Kepimpinan, halatuju, penganjuran, kawalan.
 - D. Kepimpinan, halatuju, kawalan, penganjuran.
- S3 Proses ini mengandungi tindakan-tindakan strategik yang dirancang dengan teliti dan berorientasikan matlamat jangka panjang yang melibatkan seluruh organisasi di mana segala sumber dan kekuatan yang ada dalam organisasi berkenaan akan digembeng sepenuhnya dalam usaha kualiti.
- Pernyataan di atas merujuk kepada
- A. Audit Kualiti.
 - B. Polisi Kualiti.
 - C. Pengurusan Kualiti.
 - D. Jaminan Kualiti.
- S4 Yang manakah merupakan perbezaan di antara jaminan kualiti dan kawalan kualiti?
- A. Jaminan kualiti adalah proses keluaran manakala kawalan kualiti adalah proses pengesahan kualiti.
 - B. Jaminan kualiti adalah untuk kenalpasti kecacatan manakala kawalan kualiti adalah untuk pastikan tanpa kecacatan.
 - C. Jaminan kualiti fokus kepada proses manakala kawalan kualiti fokus kepada produk.
 - D. Jaminan kualiti mengesahkan keluaran manakala kawalan kualiti mengesahkan produk.
- S5 Melaksanakan aktiviti penambahbaikan secara berterusan merupakan contoh prinsip pengurusan kualiti menyeluruh bagi
- A. jaminan kualiti.
 - B. pengukuran prestasi.
 - C. pelan strategik kualiti.
 - D. sokongan kepimpinan.

TERBUKA

- S6** Punca utama kemalangan industri adalah
- A. faktor teknikal.
 - B. persekitaran kerja tidak selamat.
 - C. kecuaiannya pekerja.
 - D. penjimatan kos.
- S7** Berikut merupakan prinsip kecekapan di tempat kerja menurut Taylor kecuali
- A. prestasi kerja dapat ditingkatkan melalui pembayaran gaji.
 - B. pemilihan pekerja perlu berdasarkan pengetahuan dan kemahiran.
 - C. penentuan cara pelaksanaan kerja.
 - D. pengkhususan kerja dalam melaksanakan tugas.
- S8** Yang manakah antara berikut merupakan punca kemalangan disebabkan oleh keadaan kerja?
- A. Bahagian mesin yang bergerak seperti taliswat yang menyebabkan pakaian tersangkut.
 - B. Logam keras dan mempunyai tepi tajam yang menyebabkan luka.
 - C. Tumpahan minyak di atas lantai yang menyebabkan pekerja terjatuh.
 - D. Serpihan logam panas yang menyebabkan melecur pada anggota badan.
- S9** Peraturan keselamatan sering diwujudkan di makmal dan bengkel bertujuan untuk
- A. Memastikan semua pengguna mematuhi peraturan.
 - B. Menyedarkan pengguna bahawa terdapat kemungkinan bahaya.
 - C. Memenuhi keperluan badan audit berkaitan keselamatan.
 - D. Memandu pihak pentadbiran dalam pengurusan keselamatan.
- S10** Mengapakah dalam hal berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, mencegah adalah lebih baik dari merawat?
- A. mengurangkan risiko kesihatan kepada semua pekerja.
 - B. mengelakkan pekerja dari terdedah dengan risiko kemalangan.
 - C. mengurangkan kos rawatan majikan.
 - D. menanamkan budaya kerja yang sihat dan selamat.
- S11** Fungsi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan adalah
- A. menggubal garis panduan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerja.
 - B. mengadakan kempen keselamatan dan kesihatan pekerja.
 - C. memberi perlindungan kepada para tenaga kerja terhadap kejadian luar jangkaan.
 - D. membantu industri menyelesaikan masalah berkaitan kesihatan dan kesihatan pekerja.

- S12** Persekitaran makmal yang baik perlu mempunyai sekurang-kurangnya _____ pintu.
- A. satu
 - B. dua
 - C. tiga
 - D. empat
- S13** Satu keadaan wujudnya bahaya yang boleh mengancam kesihatan tenaga kerja dari aspek fizikal atau mental adalah merujuk kepada
- A. hazard biologi.
 - B. kemalangan di tempat kerja.
 - C. risiko kesihatan pekerja.
 - D. ancaman kecederaan pekerja.
- S14** Yang manakah menerangkan perbezaan di antara organisasi mengikut garis dan organisasi mengikut baris.
- A. Organisasi garis untuk bidang tugas pelbagai manakala organisasi baris untuk bilangan pekerja sedikit.
 - B. Organisasi garis berdasarkan pembahagian tugas manakala organisasi baris pemfokusan tugas dan tanggungjawab.
 - C. Organisasi garis mengikut rantaian autoriti pencapaian manakala organisasi garis rantaian autoriti pemusatan.
 - D. Organisasi garis berstruktur mengikut jawatan manakala organisasi baris mengikut bahagian.
- S15** Anda dikehendaki untuk mereka bentuk sebuah makmal kerja kayu. Apakah ciri yang patut dipertimbangkan dalam cadangan reka bentuk anda?
- I Bunyi
 - II Pelan lantai
 - III Kemudahan pengajaran
 - IV Warna
- A. II dan III
 - B. I, II dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

TERBUKA

S16

Aliran kerja khusus
Keperluan operasi

Rajah S16

Apakah jenis susun atur yang mempunyai kriteria seperti dalam **Rajah S16**?

- A. Susun atur keluaran
- B. Susun atur proses
- C. Susun atur kedudukan tetap
- D. Susun atur bersistem

S17 Ciri penting yang diperlukan untuk menyediakan makmal dan bengkel yang selamat adalah

- I saiz makmal yang sama dengan isipadu kerja.
 - II penyediaan alatan peti kecemasan (first aid) asas.
 - III kelengkapan *Personal Protective Equipment*.
 - IV penyediaan alat ganti yang diiktiraf.
- A. II dan III
 - B. I, II dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

S18

MAKMAL REKABENTUK INDUSTRI

Membolehkan pelajar menghasilkan pelbagai produk industri untuk tujuan komersil.
Mempunyai pelbagai jenis mesin dan peralatan untuk keperluan berbeza.

Rajah S18

Berdasarkan Rajah S18, cadangan susun atur yang sesuai bagi Makmal Rekabentuk Industri adalah

- A. susun atur mengikut keluaran.
- B. susun atur mengikut proses.
- C. susun atur mengikut kedudukan tetap.
- D. susun atur mengikut sistem.

TERBUKA

S19 Berikut merupakan perkara yang menyebabkan keperluan untuk mereka bentuk susun atur makmal sedia ada.

- I Kemasukan peralatan baru.
- II Peningkatan kadar penggunaan.
- III Susun atur yang telah melebihi tempoh 5 tahun.
- IV Pelupusan mesin.

- A. I dan II
- B. I, II dan III
- C. I, II dan IV
- D. I, II, III dan IV

S20 ISO 7010 adalah standard yang menetapkan piawaian bagi tanda-tanda pengkelasan risiko kemalangan. Berikut adalah pengkelasan risiko mengikut standard tersebut kecuali

- A. biru – mandatori.
- B. kuning – berbahaya.
- C. oren – kebakaran.
- D. merah – larangan.

S21 Manakah antara berikut situasi yang benar mengikut pengkelasan warna?

- A. Hijau – Pemakaian topi keselamatan di tapak binaan.
- B. Kuning – CCTV sedang beroperasi.
- C. Oren – Amaran arus elektrik.
- D. Merah – Bahan Beracun.

S22 Helmi bekerja sebagai juruelektrik dan dia adalah seorang yang panas baran. Satu hari, dia pergi bekerja dalam keadaan tersekat dalam kesesakan lalu lintas. Helmi sampai lewat dan bergegas melakukan kerja pendawaian elektrik 4500V dan lupa menutup suis utama. Oleh kerana ingin cepat, Helmi terus memegang wayar elektrik dengan tangan tanpa memeriksa kehadiran arus elektrik menggunakan testpen terlebih dahulu. Akibatnya, Helmi terkena renjatan elektrik dan cedera.

Teori yang manakah paling sesuai menerangkan peristiwa kemalangan yang dilalui oleh Helmi?

- A. Teori Kemalangan Bird.
- B. Teori Kemalangan Peristiwa.
- C. Teori Kemalangan *Multi-causation*.
- D. Teori Domino Heinrich.

TERBUKA

S23

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KENYATAAN TAWARAN
(Tawaran khas Bumiputera)**

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berpengalaman dengan penyiasatan tanah dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas Ex dan E dengan Kepala II Sub Kepala 6 yang dimiliki oleh Rakyat Tempatan dan masih dibenarkan untuk menjalankan kerja-kerja buat masa ini bagi kerja berikut:

MEMBEKAL DAN MEMASANG PAGAR, PINTU
PAGAR DAN KERJA MENGECAT TAPAK
CADANGAN PROJEK PEMBINAAN MAKMAL
TEKNOLOGI LESTARI, UTHM JOHOR.

Rajah S23

Berdasarkan kenyataan tawaran **Rajah S23**, nyatakan jenis tender yang terlibat.

- A. Tender terpilih
- B. Tender terhad
- C. Tender pra-kelayakan
- D. Tender terbuka

S24

1. Kerja Penyenggaraan Mesin Larik
2. Kerja Pembaikan Kebocoran Saluran Gas
3. Kerja Pengubahsuaian Stor Makmal

Rajah S24

Berdasarkan **Rajah S24**, tentukan jenis sebutharga yang sesuai bagi kerja tersebut

- A. 1- Inden, 2- Undian, 3- Segera
- B. 1- Segera, 2- Segera, 3- Inden
- C. 1- Undi, 2- Segera, 3- Inden
- D. 1- Undi, 2- Segera, 3- Undi

TERBUKA

- S25** Pilih pernyataan yang menerangkan kontrak harga gumpal berdasarkan senarai kuantiti.
- A. Pelan disediakan dan segala butiran kerja dan kuantiti ditentukan dalam dokumen tender.
 - B. Jadual kadar harga akan digunakan sebagai asas untuk menilai bayaran kemajuan kerja.
 - C. Butiran kerja terkandung dalam pelan dan bahan serta cara kerja diperihal dalam spesifikasi.
 - D. Seluruh tanggungjawab terletak kepada kontraktor bermula dari peringkat perancangan, mereka bentuk, pembinaan dan pengawasan.
- S26** Manakah merupakan perbezaan paling tepat di antara agensi yang terlibat dalam kesihatan dan keselamatan pekerja?
- A. DOSH melibatkan penguatkuasaan undang-undang, NIOSH menyediakan latihan.
 - B. DOSH bertindak sebagai penasihat pelaksanaan dasar, MNBKKP mengkaji penggubalan dasar.
 - C. NIOSH mentadbir skim keselamatan dan sosial, PERKESO menawarkan skim perlindungan pekerja.
 - D. DOSH adalah dibawah Kementerian sumber manusia, PERKESO adalah agensi bukan kerajaan.
- S27** Berikut merupakan kebaikan ISO 14001 kecuali
- I. meningkatkan kecekapan pengurusan organisasi.
 - II. memperoleh peruntukan pelaburan dana dari dalam dan luar negara.
 - III. mempunyai kebebasan untuk mengurus organisasi berdasarkan kehendak pelanggan.
 - IV. memberi kesedaran penjagaan persekitaran kepada orang ramai.
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. I, II dan IV
 - D. II, III dan IV
- S28** UTHM merupakan organisasi yang mendapat pengiktirafan
- A. MS ISO 4001:2008
 - B. MS ISO 2001:2018
 - C. MS ISO 9001:2008
 - D. MS ISO 14001:2008

TERBUKA

S29 Matlamat – Kaedah Pelaksanaan – X - Penambahbaikan

Proses X dalam penambahbaikan berterusan melalui Pengurusan Kualiti Menyeluruh adalah merujuk kepada

- A. penilaian pencapaian.
- B. latihan.
- C. tindakan pembetulan.
- D. proses kerja.

S30 Apakah jenis kontrak yang mengenakan denda sekiranya kos pembinaan melebihi kos yang dipersetujui?

- A. Wang kos prima dan penalti.
- B. Wang kos prima dan yuran tetap.
- C. Wang kos prima dan peratus yuran.
- D. Wang kos prima dan yuran sasaran.

S31 Yang manakah antara berikut bukan merupakan faedah di bawah Akta Tenaga Kerja 1955?

- A. Cuti Umum Bergaji.
- B. Cuti Tahunan Bergaji.
- C. Cuti Menunaikan Umrah.
- D. Cuti Bersalin dan faedah bersalin.

S32 Apakah akta yang berfungsi sebagai badan yang menjaga dan melindungi tenaga kerja atau anggotanya melalui perundingan dan perjanjian bersama dengan majikan demi menjamin hak dan faedah tenaga kerja?

- A. Akta Pencen 1980.
- B. Akta Tenaga Kerja 1955.
- C. Akta Kesatuan Sekerja 1959.
- D. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

S33 Apakah unit yang bertanggungjawab menyediakan kemudahan dan keperluan tenaga kerja?

- A. Unit Pengambilan Tenaga Kerja.
- B. Unit Perhubungan Tenaga Kerja.
- C. Unit Perkhidmatan Tenaga Kerja.
- D. Unit Latihan dan Kemajuan Tenaga Kerja.

TERBUKA

S34 Yang manakah antara berikut tidak menerangkan tentang komunikasi atas bawah?

- A. Menyediakan maklumat tentang cara mencapai maklumat.
- B. Memperuntukkan maklumat yang sesuai berkenaan tugas.
- C. Memberi maklumat tentang prosedur dan amalan organisasi.
- D. Memberi ruang kepada pekerja untuk memberikan pandangan.


S35 Akta Tenaga Kerja 1955 adalah terpakai kepada

- A. pekerja-pekerja di Semenanjung Malaysia serta Wilayah Persekutuan Labuan yang bergaji RM 2000 ke bawah.
- B. pekerja-pekerja seluruh Malaysia yang bergaji RM 2000 ke bawah.
- C. pekerja-pekerja di Sarawak yang bergaji RM 2000 ke bawah.
- D. pekerja-pekerja di Sabah yang bergaji RM 2000 ke bawah.

S36 Perkara-perkara berikut perlu dilakukan ketika melaksanakan tindakan disiplin kepada staf kecuali

- A. perlu diberi amaran terlebih dahulu tentang kesalahan itu dan hukuman yang akan dikenakan.
- B. perlu dilakukan serta merta selepas kesalahan itu dilakukan.
- C. perlu dilambatkan supaya keadaan lebih menenangkan.
- D. penggunaan disiplin yang sama untuk kesalahan sama.

S37



Rajah S37

Komunikasi X merujuk kepada jenis

- A. komunikasi atas bawah.
- B. komunikasi bawah atas.
- C. komunikasi mendatar.
- D. komunikasi sehala.

TERBUKA

S38 Proses pengambilan tenaga kerja melibatkan keputusan dua hala antara

- A. pegawai atasan dan pekerja sedia ada.
- B. pengurus dan pentadbir.
- C. organisasi dan pekerja.
- D. majikan dan pekerja.

S39 Manakah antara simbol berikut yang sesuai ditampal berhampiran lokasi rak yang mengandungi bahan-bahan kimia yang boleh merengsa saraf pernafasan dan kulit?

A.



B.



C.



D.



S40 Penstoran yang baik menunjukkan semua perkara di bawah kecuali

- A. stok disusun secara rambang.
- B. penyimpan barang yang teratur.
- C. lokasi Penyimpanan bahan dan barangan.
- D. penyimpanan barang yang tersusun dan lokasi jelas.

TERBUKA


S41 Kilang Y menggunakan uranium dan plutonium untuk melakukan tindakbalas nuklear bagi menghasilkan haba dalam loji. Kawasan loji dan bahan kimia ini sangat berbahaya.

Pilih simbol yang tepat untuk melabelkan kawasan dan bahan ini.

A.




B.



C.



D.



TERBUKA

- S42** Berikut adalah faktor utama yang menjadi punca kemalangan di dalam makmal.
- I. Kemanusiaan.
 - II. Teknikal.
 - III. Persekitaran.
 - IV. Kecuaian.
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
- S43** Keselamatan mesin dan peralatan dalam sesebuah makmal merupakan satu aset yang penting. Perkara-perkara di bawah merupakan ciri-ciri penting semasa pemilihan mesin dan peralatan yang diperlukan kecuali
- A. kegunaan.
 - B. jenama.
 - C. jenis.
 - D. saiz.
- S44** Ciri-ciri susun atur makmal yang baik adalah
- A. sentiasa berubah-ubah kedudukan bahan, peralatan dan mesinnya.
 - B. ruang makmal yang mempunyai darjah penglihatan yang tinggi.
 - C. mempunyai banyak peralatan dan mesin yang canggih.
 - D. pergerakan dalam makmal maksimum.
- S45** Rakan anda diberhentikan kerja oleh majikan atas sebab salah laku tanpa berpeluang membela diri. Apakah Akta yang boleh dirujuk untuk mendapatkan pembelaan?
- A. Akta Tenaga Kerja 1955.
 - B. Akta Kesatuan Sekerja 1959.
 - C. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.
 - D. Akta Tribunal Perkhidmatan awam 1977.
- S46** Risiko daripada kejutan elektrik dapat dielakkan atau diminimakan sekiranya seseorang itu
- A. mengelakkan menggunakan peralatan elektrik.
 - B. kerap mengikuti kursus berkaitan kursus elektrik.
 - C. mempunyai lesen mengendalikan peralatan elektrik.
 - D. memastikan penggunaan peralatan elektrik yang baik.

TERBUKA

- S47 Frank E. Bird (1970) telah mengkategorikan kemalangan kepada tiga tahap iaitu
- I kesakitan.
 - II kecacatan.
 - III kematian.
 - IV kecederaan.
- A. II, III dan IV
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. I, II dan III
- S48 Sebagai seorang pegawai Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di syarikat ABC, apakah sebab utama anda perlu memastikan isu keselamatan di tempat kerja?
- A. Mengurangkan kos operasi syarikat.
 - B. Menjaga reputasi dan nama baik syarikat.
 - C. Memastikan pekerja pulang ke rumah dengan selamat.
 - D. Mendapatkan pampasan daripada syarikat insurans selepas mengalami kemalangan.
- S49 Kecederaan menurut Bird (1970) dikelaskan kepada empat peringkat kecederaan iaitu
- I kecederaan kekal
 - II kecederaan sementara
 - III kerosakan harta benda
 - IV kemalangan nyaris
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
- S50 Salah satu daripada fungsi dasar ini adalah untuk meningkatkan mutu dan kemahiran tangan pekerja. Dasar tersebut adalah
- A. Dasar Keselamatan & Kesihatan Tenaga Kerja.
 - B. Dasar Latihan & Perhubungan Tenaga Kerja.
 - C. Dasar Pengauditan Sosial.
 - D. Dasar Masa Hadapan.

A red rectangular stamp with the word "TERBUKA" in bold, uppercase letters.

- S51** Berdasarkan dasar kenaikan pangkat, manakah antara berikut merupakan syarat kenaikan pangkat?
- I Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan.
 - II Diperaku oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan.
 - III Melempi nilaiian tahap kecekapan yang ditetapkan.
 - IV Pekerja tersebut merupakan pekerja yang paling lama berkhidmat.
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
- S52** Bahagian personel membuat iklan kekosongan jawatan melalui radio, televisyen, akhbar, laman web, melawat ke pusat pengajian tinggi atau melalui agensi pekerjaan yang mendaftarkan nama calon.
- Bahagian tersebut merujuk kepada
- A. Bahagian Pemilihan
 - B. Bahagian Perancangan
 - C. Bahagian Pengambilan
 - D. Bahagian Induksi & Orientasi
- S53** Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 menjelaskan bahawa
- A. kanak-kanak boleh melaksanakan kerja-kerja ringan yang sesuai dengan keupayaannya bagi pekerjaan yang dijalankan keluarganya
 - B. kanak-kanak boleh melaksanakan pekerjaan dalam sesuatu industri yang sesuai dengan keupayaan
 - C. kanak-kanak boleh bekerja di pejabat, kedai, gudang dan kilang
 - D. kanak-kanak boleh bekerja sebagai pembantu rumah
- S54** Seseorang majikan yang ingin membuat penetapan gaji kepada staf di syarikatnya boleh merujuk kepada
- A. Dasar Masa Hadapan.
 - B. Dasar Pemberian Pencen.
 - C. Dasar Pengauditan Sosial.
 - D. Dasar Pengambilan Tenaga Kerja.

TERBUKA

- S55** Ahmad dan Alif bekerja di dalam organisasi yang sama. Ahmad dilantik menjadi Pegurus Projek A dan Alif menjadi Pengurus Projek B. Mereka sering berbincang berkenaan pengurusan projek masing-masing. Komunikasi antara Ahmad dan Alif dikategorikan sebagai
- A. komunikasi sehalu.
 - B. komunikasi menegak.
 - C. komunikasi mendatar.
 - D. komunikasi melintang.
- S56** Encik Ali merupakan pengurus kepada sebuah syarikat. Dalam menetapkan peraturan berkaitan sesuatu peraturan di tempat kerja, Encik Ali telah meminta para pekerja bawahan untuk memberikan pandangan berkaitan isu tersebut. Komunikasi ini merujuk kepada
- A. komunikasi majikan-pekerja.
 - B. komunikasi atas bawah.
 - C. komunikasi bawah atas.
 - D. komunikasi sehalu.
- S57** Yang manakah antara berikut merupakan faedah-faedah yang diperolehi oleh seorang tenaga kerja?
- I Keselamatan tenaga kerja.
 - II Faedah hospital dan kesihatan.
 - III Insurans kemalangan dan kesihatan.
 - IV Program pendidikan untuk tenaga kerja.
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
- S58** Latihan dan kemajuan tenaga kerja amat penting dan begitu diperlukan bagi kebanyakan makmal atau organisasi kerana
- A. dapat menambahkan tempoh masa pembelajaran.
 - B. dapat meningkatkan prestasi tenaga kerja.
 - C. dapat melihat masalah operasi.
 - D. pembentukan sikap lemah.

TERBUKA

S59 Penentuan gaji dan upah berdasarkan

- I. tugas.
- II. jawatan.
- III. motivasi.
- IV. beban kerja.

- A. I dan II
- B. I, II dan III
- C. I, II dan IV
- D. II, III dan IV

S60

BAHAGIAN	JENIS PENYELENGGARAAN MOTORSIKAL	BULAN											
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
TAYAR	MEMERIKSA TEKANAN ANGIN MENGGUNAKAN GAUGE PENGUJI	✓		✓		✓		✓		✓		✓	
	PERIKSA BUNGA TAYAR TIDAK TERLALU HAUS						✓						✓
CECAIR	PASTIKAN COOLANT DAN RADIATOR BERADA PADA TAHAP ARAS MINYAK YANG SESUAI	✓				✓					✓		
KOMPONEN MEKANIKAL	BRAKEPAD PASTIKAN CENKAMANNYA KUAT			✓			✓			✓			✓
	MENOLAK RANTAI KE BAWAH UNTUK MENGUJI KENDURAN			✓			✓			✓			✓
	CERMIN SISI PASTIKAN JELAS DAN DIGILAP MENGGUNAKAN KAIN LAP		✓		✓		✓		✓		✓		✓
SAFETY INDICATOR	LAMPU DAN SIGNAL	✓			✓			✓			✓		
	HON	✓			✓			✓			✓		
SISTEM ELEKTRIKAL	PASTIKAN WAYAR DALAM KEADAAN BAIK DAN TIDAK BERSELERAK	✓			✓			✓			✓		

Rajah S60

Rajah S60 menunjukkan jadual penyelenggaraan motosikal. Penyelenggaraan yang dilaksanakan adalah

- A. penyelenggaraan peluang.
- B. penyelenggaraan ramalan.
- C. penyelenggaraan berkala.
- D. penyelenggaraan reka bentuk semula.

TERBUKA

- S61 Yang manakah antara berikut merupakan kesan-kesan jika penyelenggaraan pencegahan tidak dilaksanakan.
- I Kerosakkan pada peralatan semakin bertambah.
 - II Merendahkan kualiti dan mutu kerja.
 - III Menjimatkan kos penyelenggaraan.
 - IV Mengurangkan produktiviti.
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
- S62 Faedah-faedah yang akan diperolehi oleh seseorang pengurus makmal di institusi pendidikan teknikal sekiranya mengamalkan falsafah keselamatan dan kesihatan adalah
- I tingkah-laku pelajar dapat dikawal dan diperbaiki
 - II mengurangkan kos penyelenggaraan alatan dan mesin dalam bengkel
 - III mengurangkan kadar bilangan pelajar daripada mengalami kecederaan di bengkel
 - V mengurangkan pembaziran masa apabila alatan disusun secara teratur dan kemas
- A. I, II dan III
 - B. I, III dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
- S63 Perolehan di dalam pengurusan stor merujuk kepada aktiviti
- A. perancangan perolehan keuntungan daripada penjualan produk.
 - B. perancangan pembelian bahan bekalan di dalam stor.
 - C. pengurusan keluar masuk barang di dalam stor.
 - D. perancangan sumber tenaga kerja diperolehi.

A red rectangular stamp with the word "TERBUKA" written in bold, capital letters inside.

S64 Fauzi sedang mengira stok barangan di dalam stor. Kesemua barangan telah di lekatkan dengan kod tertentu yang menerangkan tentang butiran barangan tersebut. Stok yang telah rosak dikenalpasti dan kod barangan tersebut dicatatkan.

Aktiviti yang sedang dilakukan oleh Fauzi termasuk dalam kategori

- A. pengurusan kualiti.
- B. pengurusan kawalan.
- C. pengurusan perekodan.
- D. pengurusan inventori.

S65



Rajah S65

Berdasarkan **Rajah S65**, apakah jenis penyelenggaraan yang perlu dilaksanakan?

- A. Penyelenggaraan semasa.
- B. Penyelenggaraan berkala.
- C. Penyelenggaraan mekanikal.
- D. Penyelenggaraan kecemasan.

S66 Ahmad ditugaskan untuk memantau kerja-kerja penyelenggaraan semasa. Berdasarkan senarai jadual kerja penyelenggaraan berikut, yang manakah yang perlu dipantau oleh Ahmad?

- I Membaiki kegagalan sistem bekalan kuasa elektrik
- II Membersihkan longkang
- III Membaiki bumbung
- IV Membaiki tandas

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

TERBUKA

- S67 Berikut merupakan kepentingan Bahagian Kawalan Stok kecuali
- A. merancang dan menentukan hala tuju stor mengikut keperluan makmal.
 - B. setiap penerimaan barangan perlu dilabel atau dikodkan secara sistematik.
 - C. melaksanakan proses perolehan, menentukan kuantiti dan kualiti barangan yang dipesan.
 - D. bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja merekod segala butiran ke dalam buku kawalan stok terhadap barangan yang diterima.
- S68 Stor X menyimpan dan membekalkan stok kepada pelanggan akhir. Stor X merujuk kepada
- A. stor utama.
 - B. stor pusat.
 - C. stor khas.
 - D. stor unit.
- S69 Manakah antara berikut merupakan fungsi stor?
- I Menerima barang-barang yang dipesan dengan mengesah dan memperakukan serahan barang-barang oleh pembekal.
 - II Menyimpan stok mengikut kaedah dan lokasi-lokasi yang ditetapkan dengan menggunakan ruang stor secara optimum.
 - III Menjaga dan menyenggara stok supaya sentiasa dalam keadaan baik dan boleh digunakan.
 - IV Mengeluarkan stok mengikut arahan pelanggan.
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
- S70 Pengurusan kawalan stok yang cekap dan berkesan dapat memberikan faedah-faedah berikut kecuali
- A. ketiadaan stok dapat dielakkan dan keperluan pemesan dapat dipenuhi.
 - B. penggunaan modal yang lebih ekonomik serta kurangnya wang terikat dalam bentuk stok.
 - C. perhatian lebih tertumpu kepada barang-barang yang tinggi kadar pengeluarannya.
 - D. stok yang tidak bergerak, tamat tempoh penggunaan, rosak dan usang bertambah.

S71 Yang manakah antara berikut merupakan ciri-ciri penyelenggaraan berkala


- I Dilakukan secara rutin dan berulang dalam sela masa yang telah ditetapkan.
- II Kebiasaannya melibatkan komponen yang kompleks dan sensitif.
- III Melibatkan aktiviti penyelenggaraan yang mudah sehingga kompleks.
- IV Dilakukan merujuk rekabentuk semula mesin yang sedia ada.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

S72 Yang manakah antara berikut merupakan ciri-ciri penyelenggaraan kecemasan?

- I Penyelenggaraan ini beroperasi 24 jam sehari.
- II Penyelenggaraan jenis ini dijalankan dari semasa ke semasa.
- III Pekerja akan bertindak serta merta untuk membaiki kerosakan yang ada.
- III Apabila berlaku sebarang kerosakan yang memerlukan penyelenggaraan kecemasan, pengguna atau pemilik bangunan boleh menelefon pihak yang berkenaan.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV



Rajah S73

Rajah S73 menunjukkan faktor yang menjadi punca kemalangan di makmal/bengkel. X merujuk kepada

- A. Mental
- B. Persekitaran
- C. Pentadbiran
- D. Peralatan dan Mesin

TERBUKA

S77 Sebagai pegawai perolehan, anda dikehendaki menguruskan perolehan bernilai RM 48 000. Nyatakan tindakan yang perlu dilaksanakan untuk menguruskan proses perolehan tersebut.

- A. Menguruskan perolehan menggunakan panjar wang runcit.
- B. Menguruskan pembelian runcit menggunakan pembekal yang berdaftar di bawah Kementerian Kewangan.
- C. Menguruskan pembelian runcit menggunakan pembekal yang tidak berdaftar di bawah Kementerian Kewangan.
- D. Mempelawa sebut harga sekurang-kurangnya daripada lima pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

S78 Berikut adalah konsep pengurusan perolehan kecuali

- A. masa yang betul.
- B. kualiti yang betul.
- C. kuantiti yang betul.
- D. jenama yang betul.

S79 Sebagai pegawai perolehan, anda dikehendaki menguruskan perolehan bernilai RM 60 000. Nyatakan kaedah perolehan yang mesti dipilih untuk menguruskan proses perolehan tersebut.

- A. Tender.
- B. Sebutharga.
- C. Pembelian terus.
- D. Panjar wang runcit.

S80 Berikut adalah matlamat pengurusan kualiti menyeluruh kecuali

- A. berorientasikan matlamat.
- B. menghasilkan barangan bebas kecacatan.
- C. penambahbaikan berterusan.
- D. memenuhi keperluan pelanggan.

SOALAN TAMAT

TERBUKA